

3 projek berisiko pernah ditolak

BH-5
24/10

➔ Pembangunan diluluskan selepas kerajaan negeri terima mandat PRU-13

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

Georgetown

Projek perumahan mampu milik di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah di sini, serta dua lagi projek di kawasan itu pernah ditolak kerajaan negeri berikutan bantahan penduduk, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil rakyat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu, mendakwa ketiga-tiga projek berkenaan tidak diluluskan apabila pemaju mengemukakan

permohonan pada 2009.

“Saya sebagai wakil rakyat ketika itu membantah sekeras-kerasnya projek berkenaan kerana ia dirancang di kawasan cerun bukit.

“Tetapi selepas kerajaan negeri menerima mandat kedua, iaitu selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), semua projek terbabit diluluskan tanpa pengetahuan saya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Yee Cheu mendedahkan selain projek di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah, kondominium mewah berkembar 33 dan 34 tingkat di Lorong Lembah Permai 9, Tanjung Bungah serta kondominium mewah 32 tingkat di 505, Jalan Tanjung Bungah, berisiko dilanda tanah runtuh berikutan ia dilaksanakan di kawasan lereng bukit.

Mengikut Dasar Khusus 3 (DK3) di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, sebarang pembangunan perbandaran termasuk perumahan, tidak dibenarkan bagi sebarang tanah yang berada pada paras melebihi 76 meter

(250 kaki) atau berkecerunan melebihi 25 darjah.

Perkara pernah diaju pada sidang DUN

Mengulas lanjut, Yee Cheu berkata, pihaknya sudah beberapa kali mengajukan perkara itu pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) lalu, namun tidak dijawab kerajaan negeri.

“Saya sudah beberapa kali cakap di Sidang DUN, tetapi mereka tidak jawab. Biasanya mereka fikir saya ini hanya pengacau sahaja,” katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Datuk Maimunah Mohd Sharif, berkata pihaknya akan menyemak dua projek kondominium terbabit dalam tempoh terdekat bagi memastikan tragedi sama tidak berulang.

“Namun, saya berpendapat kedua-dua projek itu dibina di kawasan yang selamat iaitu pada kecerunan tidak lebih 20 darjah tetapi saya akan semak semula,” katanya pada sidang media di sini, semalam.



Anggota penyelamat membuat kerja scanning bagi memastikan tiada lagi mangsa yang tertimbus sebelum operasi ditutup sepenuhnya dalam kejadian tanah runtuh di tapak pembinaan Lembah Permai, Tanjung Bungah.

Negeri tak rujuk garis panduan Pusat

Kuala Lumpur: Kerajaan Pulau Pinang tidak menggunakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi yang disediakan Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata sebaliknya pentadbiran negeri itu menggunakan Garis Panduan Keselamatan Untuk Pembangunan Kawasan Bukit 2012 yang dirangka sendiri tanpa merujuk garis panduan yang dikeluarkan kementerian.

Mungkin, katanya, pentadbiran kerajaan Pulau Pinang yang dinaungi Ketua Menteri, Lim Guan Eng menganggap garis panduan yang dirangka mereka jauh lebih lengkap dan terperinci berbanding KPKT.

Malah katanya, Jabatan Plan Malaysia (PLANMalaysia) Pulau Pinang juga tidak menyokong perancangan pembangunan di Lengkok Lembah Permai, Tan-



Namun kerajaan negeri dalam mesyuarat jawatankuasa negeri yang dipengerusikan Guan Eng, membuat keputusan mereka sendiri”

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

jung Bungah seperti yang termaktub dalam minit mesyuarat.

“Pengaroh PlanMalaysia Pulau Pinang memegang dua jawatan sebagai sekretariat jawatankuasa teknikal dan ahli jawatankuasa perancangan negeri.

“Merujuk rancangan Pulau Pinang 2020, PlanMalaysia pada dasarnya tidak menyokong peningkatan kepadatan daripada 30 unit seekar kepada 143 unit seekar.

“Namun kerajaan negeri dalam mesyuarat jawatankuasa negeri yang dipengerusikan Guan Eng, membuat keputusan mereka sendiri,” katanya.

Keadaan geografi berbeza

Mengulas lanjut, Noh berkata, mungkin garis panduan yang dibuat kerajaan negeri mengambil kira keadaan tanah tinggi di Pulau Pinang yang tidak sama, selain mempunyai geografi berbeza dengan negeri

lain.

Sebab itu, katanya, kerajaan negeri itu memutuskan untuk mengikut garis panduan keselamatan pembangunan tanah tinggi sendiri.

“Bukan kita nak kata kalau ikut garis panduan kementerian dapat bendung perkara itu (tanah runtuh). Kita tak boleh cakap macam tu. Tetapi panduan kita terkini.

“Lagipun, kita tak boleh paksa kerana kementerian hanya buat garis panduan. Kuasa penuh (pelaksanaan) terletak pada pihak berkuasa tempatan (PBT). Kalau kita bagi garis panduan, masih ada kerajaan negeri tak terima, dia ubah ikut cara dia,” katanya.

Dalam pada itu, Noh berkata, kementerian sudah menghantar surat kepada Kerajaan Pulau Pinang untuk membentangkan laporan tanah runtuh di tapak projek pembinaan perumahan di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah.

Mayat terakhir berjaya dikeluarkan

Georgetown: Mayat terakhir dalam kejadian runtuhan tanah di tapak pembinaan rumah mampu milik di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah berjaya dikeluarkan pasukan penyelamat pada jam 11.02 pagi, semalam.

Pengaroh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) negeri, Saadon Moktar, berkata mayat satu-satunya warga tempatan, Yuan Kuok Wern, 27, ditemui pada 7.03 pagi, namun berlaku kesukaran mengeluarkannya.

“Pasukan penyelamat mengalami sedikit kesukaran untuk mengeluarkan mayat Kuok Wern kerana tersepit di sebalik cerucuk besi dengan keseluruhan operasi mengambil masa hampir dua jam.

“Kita juga akan menggerakkan enam anjing pengesan di seluruh lokasi runtuhan bagi mengenal pasti tiada lagi mayat tertimbus di kawasan terbabit, sebelum operasi mencari dan menyelamat dapat ditamatkan,” katanya pada sidang media.

Berikutan itu, pasukan penyelamat mengumumkan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kejadian tanah runtuh itu ditamatkan sepenuhnya pada jam 12.05 tengah hari.